

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | FRIM sambut ulang tahun ke 31 di Kepong | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | Color | Full Color |
| Date | 28 Sep 2016 | Circulation | 171,663 |
| Section | Mega | Readership | 563,000 |
| Page No | 30 | ArticleSize | 283 cm ² |
| Language | Malay | AdValue | RM 5,645 |
| Journalist | N/A | PR Value | RM 16,935 |
| Frequency | Daily | | |



FRIM sambut ulang tahun ke-31 di Kepong

PENCINTA alam sekitar pastinya tidak mahu melepaskan peluang menyertai pelbagai acara sempena sambutan ulang tahun penubuhan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada 1 dan 8 Oktober ini.

Sempena sambutan itu FRIM menganjurkan pelbagai program melibatkan pelbagai lapisan masyarakat, sesuai dengan tarikan yang ada padanya yang menggantit pengunjung.

Antara program yang dianjurkan termasuklah antaranya pelancaran akta baharu FRIM yang diwartakan pada hari berkenaan dan dilancarkan pada 8 Oktober serta larian Rimbathon melibatkan 1,000 peserta.

Acara lain termasuklah pelancaran pertandingan fotografi, ceramah, majlis kesyukuran, perhimpunan bulanan dan program membersihkan Diterokap Arboretum melibatkan 40 orang sukarelawan.

FRIM yang diwujudkan pada 1985 gerakkan oleh hampir 1000 orang kakitangan.

Kedudukannya terletak di tengah-tengah kawasan yang padat tidak dapat mengelakkan kampus institut berkenaan yang terletak di Kepong menerima kehadiran pelancong dan berinteraksi dengan orang awam.

Fungsi FRIM sebagai satu-satunya institut penyelidikan Perhutanan Tropika yang

terunggul di negara ini pula mendorong agensi tersebut bekerjasama dengan pelanggan dan pihak berkepentingan.

Sempena hari arboretum pula antara acara yang dianjurkan adalah kayuhan dengan membawa bendera Malaysia dan FRIM selain program penerangan oleh pegawaiannya, Norsham Suhana mengenai penubuhan, sejarah dan pokok-pokok yang terdapat di Diterokap Arboretum.

Acara yang tidak kurang pentingnya adalah memotong kek sambutan ulang tahun FRIM ke 31 dan meraikan akta baharu.

Ketua Pengarah FRIM, **Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod** berkata, pada tahun ini, pihaknya akan mengadakan sambutan selama sebulan bagi meningkat jumlah

penglibatan ramai dalam acara yang dianjurkan.

Kata Abdul Latif, sambutan ulang tahun FRIM ke-31, merupakan satu acara penting dan kemuncak bagi berkongsi dengan masyarakat bahawa FRIM akan terus berada bersama mereka dalam melestarikan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) perhutanan serta hasil hutan bagi kesejahteraan negara.

“Selama 31 tahun kewujudannya, FRIM sebagai badan berkanun dimantapkan dengan pelancaran akta baharu bagi memastikan fungsi, peranan dan keberkesanannya tetap

seimbang serta relevan dengan perkembangan global dan isu semasa,” ujarnya.

Kata beliau lagi, kesedaran pentingnya untuk berevolusi dalam budaya kerja pelbagai tugas adalah penting, selain melahirkan komuniti saintifik yang peka kepada kehendak perubahan.

Ia sejajar dengan usaha mempertahankan kelestarian alam sejagat dari perspektif alam sekitar dan isu-isu berkaitan hutan dan hasilan hutan.

Sempena ulang tahun ke-31 ini, semua warga dan pemegang taruh akan diberikan kesedaran pentingnya kewujudan FRIM melalui perubahan akta, hasrat dan harapan sebagai institusi penyelidikan perhutanan tropika dunia dan dalam masa yang sama berusaha mencapai status Warisan Dunia.

“Ini penting sebagai bukti komitmen negara dalam menjaga litupan hijau dan keseimbangan pemeliharaan, pemuliharaan dan pembangunan perhutanan,” ujarnya lagi.

Objektif ulang tahun bagi mewujudkan sebuah komuniti hijau, penglibatan yang tinggi, merentasi komuniti mestilah diusahakan.

- Meningkatkan rasa kecintaan dan kekitaan dalam kalangan warga FRIM dengan melibatkan semua kakitangan dalam aktiviti yang diadakan;
- Meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga FRIM tentang perkembangan dan pencapaian semasa FRIM; dan
- Meningkatkan interaksi dalam kalangan komuniti dalam, luaran dan pihak-pihak berkepentingan bagi mencapai objektif FRIM.



ABDUL LATIF MOHMOD